

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 OKTOBER 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Perkembangan teknologi, inovasi jadi medium persaingan PKS	Mingguan Malaysia
2.	Bajet 2016 berupaya tingkat peratus pengkomersilan produk – Abu Bakar	BERNAMA
3.	Hydraulic Power for multi rescue	New Sunday Times
4.	Jerebu terburuk dalam sejarah	Mingguan Malaysia
5.	Empat mayat murid orang asli selamat dikebumi hari ini	BERNAMA



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH



MD. AFFENDI HAMDAN

Perkembangan teknologi, inovasi jadi medium persaingan PKS

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini perlu menjadikan perkembangan teknologi dan inovasi sebagai salah satu medium untuk bersaing secara sihat dalam usaha mempertingkatkan pencapaian sektor tersebut di negara ini.

Timbalan Menteri Sains dan Inovasi, **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** berkata, hal ini disebabkan kebanyakan produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat terlibat mempunyai banyak persamaan dalam merebut pasaran dan keuntungan. Beliau yakin PKS di negara ini akan terus berkembang walaupun keadaan ekonomi dan pasaran semasa tidak menentu.

"PKS sangat penting dalam memacu ekonomi negara. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 3.27 peratus pada tahun lepas bagi 100 syarikat berdaya saing di negara ini. "Pertumbuhan ini melebihi peningkatan keluaran dalam negara kasar (KDNK) seluruh negara sebanyak lima peratus pada tahun lepas," katanya ketika berucap dalam majlis Anugerah PKS 100 di sini semalam.

Yang turut hadir Presiden Enterprise Asia, Datuk William Ng dan Presiden Persatuan Syarikat Kecil dan Sederhana Malaysia (Samenta), Koay Chiew Guan.

Anugerah tersebut diadakan bagi mengenal pasti dan mengiktiraf syarikat yang berkembang pesat dalam sektor tersebut berdasarkan kriteria ditetapkan.

Sebanyak 100 syarikat terbaik tel-



PKS sangat penting dalam memacu ekonomi negara. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 3.27 peratus pada tahun lepas bagi 100 syarikat berdaya saing di negara ini."

ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
Timbalan Menteri Sains dan Inovasi

ah dipilih pada pertandingan kali ini. Antara penerima anugerah termasuklah RaffComm Technologies Sdn. Bhd. (RaffComm Technologies).

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif RaffComm Technologies, **Datuk Md. Affendi Hamdan** berkata, anugerah yang dimenangi buat julung-julung kalinya itu mampu memberi suntikan untuk memperluaskan pasaran syarikatnya ke peringkat ASEAN.

"Kami akan berkembang lagi melalui pelbagai medium yang sedia. Kami telah meneroka sehingga ke Laos dan Kemboja setakat ini dan akan terus berkembang di masa depan.

"Sasaran kami pada tahun ini akan cuba mencapai pendapatan RM23 juta berbanding tahun lepas iaitu RM21 juta," katanya yang juga Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Utusan.



Bajet 2016 Berupaya Tingkat Peratus Pengkomersilan Produk - Abu Bakar

MELAKA, 25 Okt (Bernama) -- Peruntukan berjumlah RM1.5 bilion yang disalurkan menerusi Bajet 2016 kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dilihat berupaya membantu meningkatkan peratus pengkomersilan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata peruntukan itu juga secara tidak langsung akan menjayakan matlamat Tahun Pengkomersilan Malaysia pada tahun hadapan.

"Saya pasti peruntukan ini dapat membantu lebih ramai penyelidik untuk mengkomersilkan produk yang dihasilkan melalui pelbagai agensi di bawah MOSTI," katanya kepada Bernama selepas merasmikan penutupan 'Engineering Technology Exhibition 2015', di Universiti Multimedia di sini, Ahad.

Beliau diminta mengulas peruntukan itu kepada MOSTI dalam usaha menjadikan negara sebagai hab teknologi yang kompetitif di rantau ini.

Mengulas lanjut, katanya, peruntukan berkenaan juga dilihat akan membantu negara untuk mencapai 360 produk penyelidikan yang dikomersilkan menjelang 2020 menerusi Tahun Pengkomersilan MOSTI yang dilancarkan tahun lepas.

Terdahulu, beliau menyampaikan Anugerah MyRIS Gold kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning, Shah Alam, Selangor bagi kategori sekolah, dan University of Nottingham Malaysia Campus (kategori institusi pengajian tinggi).

Anugerah World Invention Intellectual Property Association pula dimenangi Universiti Multimedia.

-- BERNAMA

ADAM AUBREY
REPORTING
news@cbt.com.my
www.cbt.com.my



HYDRAULIC POWER FOR MULTI RESCUE

The MRV is robust, reliable and environmentally friendly

HYDRAULIC drive system technology has been around since the early Forties, but the usage of it in the modern day has been somewhat non-existent.

The reason for this is simply because nobody has actually managed to utilise and apply it correctly, but that is all about to change, as Malaysia's very own WKLI group under the supervision of genius inventor Datuk Dr Low Wai Koon has created an emergency response vehicle powered by what they call the hydraulic powered drive system (HPDS).

Supported and funded by Malaysia's Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) Low's multi rescue vehicle (MRV) was created to be both environmentally friendly as well as robust and reliable enough to carry out rescue missions whenever called upon.

It has special features that enable it to be completely submerged under water and still be operational, a tough 4WD mode to tackle difficult terrain as well as fire fighting capabilities.

The MRV's versatile attributes make it the perfect vehicle to help in natural disaster relief missions, but at the heart of it all is still Low's HPDS.

The HPDS system works in tandem with a conventional combustion engine to power a hydraulic pump and hydraulic drive system (motor).

The diesel engine is used to drive the hydraulic pump which then pumps hydraulic fluids to the hydraulic motor. The hydraulic motor will then power the axle to produce drive and an astounding amount of torque. As an example, the MRV that comes with a naturally aspirated 2.0-litre Nissan diesel engine can produce 7,000Nm of torque to the rear wheels. This is a vast amount especially compared



Low and his MRV could possibly change how future rescue missions are conducted.

with a diesel-powered tractor with a 5.0-litre engine that only produces 900Nm of torque. Because of the big amount of power that it can produce from a smaller engine, the HPDS is also environmentally friendly, which in turn also achieves WKLI's targets for the system.

"The MRV is our second HPDS vehicle after our Proton Wira prototype. We have actually tested it on the field and used it to rescue people during the big Temerloh floods last year," said Low.

"We went into places where the fire-fighting rescue vehicles could

not reach people due to the floods. The MRV has water propulsion systems that can instantly transform it into a fire engine. It also has a built in generator which can help power up two houses at one go."

The Temerloh MRV rescue mission received much praise and gave

it worldwide interest. This has led to many international enquiries regarding the rescue vehicle.

Since the MRV is only a working prototype, WKLI and MOSTI have no intentions in selling it. Instead, a 2.0-litre MRV with better and polished performance as well as aesthetics is being built for commercialisation. It will have more tech and abilities such as electric power driving systems (EPDS), Garmin sonar detectors, waterproof up to 6.2 feet, ascend and descend braking systems, pull and pushing power 15 times its weight as well as the ability to stay submerged in deep water and more.

"We hope to be able to equip every state in Malaysia with a MRV 2.0. This will help give a fighting chance whenever there is a natural disaster. From previous experiences, we can definitely say that sometimes our emergency services do not have the right tools to help people. We hope that by giving Malaysia and the world the MRV 2.0, relief efforts can be faster with a better rate of success," said WKLI managing director Datuk Azman Yusoff.

For more information, visit
www.lvkgreen.com.my

CARS, BIKES & TRUCKS

News desk: 03-20569298
Voice mail: 03-22835748
SMS: 012-3006655
Fax: 03-22820840
E-mail: news@cbt.com.my
Advertising: 012-3004343
(Joseph Raj)
03-20569399 (direct line)
E-mail: josephraj@instp.com.my

Jerebu terburuk dalam sejarah

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Fenomena jerebu yang sedang melanda negara disifatkan sebagai yang terburuk dalam sejarah sehingga menyebabkan sekolah-sekolah terpaksa ditutup manakala penerbangan dan beberapa acara luar peringkat kebangsaan dibatalkan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, sebelum ini Malaysia tidak pernah mengalami masalah kemerosotan kualiti udara yang berulang sebanyak tiga kali dalam masa kurang satu bulan sehingga menyebabkan aktiviti harian orang ramai terjejas.

"Seperti yang kita tahu, masalah ini berpunca daripada pembakaran hutan di Indonesia dan keadaan bertambah buruk apabila wujudnya dua ribut tropika di selatan Filipina yang menolak asap jerebu ke negara kita.

"Jika dilihat imej satelit, ia agak menakutkan kerana asap jerebu yang datang dari kiri dan kanan menyebabkan Semenanjung serta Sabah dan Sarawak diliputi asap jerebu itu," katanya demikian selepas pembatalan program berbasikal DOE Mtb Ecoride 2015 akibat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencecah tahap tidak sihat, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Halimah Hassan.

DOE Mtb Ecoride 2015 meru-

pakan acara jambori berbasikal anjuran JAS dengan kerjasama Kelab Berbasikal Putrajaya (Pjca) bersempena Minggu Alam Sekitar Malaysia 2015 (MASM 2015).

Tambah Hamim, meskipun Jabatan Meteorologi meramalkan jerebu akan pulih sepenuhnya pada bulan November, ramalan tersebut tidak semestinya tepat.

"Pihak Indonesia menyatakan jerebu akan berterusan dalam masa tiga bulan lagi dan mengikut jangkaan, kita dapat mengelak asap jerebu dengan bermulanya angin Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh iaitu mulai awal November ini dan berhentinya ribut tropika.

"Tetapi ini merupakan ramalan sahaja dan perkara ini mungkin akan berlaku sebaliknya kerana masa dan tempat berlakunya ribut tropika tidak dapat diramal dengan tepat," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, pihaknya melaksanakan 29 operasi pembenihan awan (OPA) bagi mengurangkan kesan jerebu sejak Mac lepas.

"Selain itu, OPA juga dijalankan untuk menangani masalah air atas permohonan kerajaan negeri atau pihak pengurusan empangan. Sekiranya IPU berada pada tahap baik, OPA bersedia untuk menangani masalah air pula," katanya.



HAMIM SAMURI



Empat Mayat Murid Orang Asli Selamat Dikebumi Hari Ini

GUA MUSANG, 25 Okt (Bernama) --- Empat jasad murid Orang Asli Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi yang ditemui di Sungai Perias di sini selamat dikebumikan dalam sebuah kubur di Kampung Penad hari ini.

Empat jasad itu berupa dua mayat dan dua rangka milik Ika Ayel, 7, Haikal Yaakob, 8, Linda Rosli, 8, dan Juvina David, 7.

Keluarga mereka menuntut mayat anak masing-masing di Bilik Mayat Hospital Gua Musang (HGM) pukul 10 pagi dan bertolak ke Kampung Penad kira-kira 100 kilometer dari Bandar Gua Musang dengan menggunakan empat kenderaan pacuan empat roda melalui jalan pembalakan.

Keluarga keempat-empat mangsa berkenaan dibenarkan menuntut mayat kesemua kanak-kanak itu selepas pembuktian identiti menerusi ujian asid deoksiribonukleik (DNA) selesai dijalankan oleh [Jabatan Kimia](#) semalam.

Kenderaan yang membawa empat mayat itu turut diiringi 20 kenderaan lain yang memuatkan anggota keluarga mangsa. Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Nisra Nisran Ramlan.

Keempat-empat mangsa dikebumikan secara serentak mengikut adat Orang Asli suku Temiar di Kampung Penad pada pukul 2 petang.

Bercakap kepada pemberita, ibu Haikal, Midah Angah, 40, berkata beliau bergegas ke hospital itu bagi menuntut mayat anaknya untuk dikebumikan bersama tiga mangsa yang lain di kampung asalnya itu.

Beliau terpaksa meninggalkan sementara anak perempuannya Norieen Yaakob, 10, yang masih menerima rawatan di Hospital Raja Perempuan Zainab II (RPZII) di Kota Bharu.

Beliau menerima hakikat kematian anak lelakinya itu tetapi tetap gembira kerana seorang lagi anaknya, Norieen ditemui selamat walaupun ketika itu kurus kering kerana dehidrasi.

"Saya bergegas pulang ke Hospital Gua Musang kerana mahu juga menguruskan mayat Haikal untuk kali terakhir, lagi pun saya telah lama tidak pulang ke rumah di Kampung Penad (kerana menemani Norieen di HRPZII sejak 9 Okt)," katanya.

David Muasam, 32, pula berkata beliau sudah beberapa kali datang ke HGM untuk menuntut mayat anaknya, Linda, tetapi terpaksa pulang selepas pihak berkuasa mahu pengesahan melalui keputusan DNA.

Beliau berkata rakan-rakannya juga bersetuju untuk menuntut mayat anak masing-masing sekali gus bagi memudahkan urusan pengkebumian.

"Kami sedih ketika dibenarkan pihak hospital untuk mengemam anak masing-masing, tetapi tetap menerima hakikat mengenai kejadian menimpa anak kesayangan kami," katanya.

Tujuh murid SK Tohoi dilaporkan hilang selepas bertindak melarikan diri dari asrama pada 23 Ogos kerana takut dikenakan hukuman kerana mandi di sungai tanpa kebenaran.

Dua murid iaitu Norieen dan Miksudiar Aluj, 11, ditemui hidup pada 9 Okt selepas hilang selama 48 hari di dalam hutan.

Gerakan mengesan seorang lagi murid, Sasa Sobrie, 8, masih diteruskan.

-- BERNAMA